

SOALAN NO. 16

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,

PARLIMEN KETIGA BELAS,

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN SHAMSUL ISKANDAR BIN MOHD AKIN
[BUKIT KATIL]**

TARIKH : 18 MEI 2015 (ISNIN)

SOALAN :

**Tuan Shamsul Iskandar bin Mohd Akin [Bukit Katil] minta
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT menyatakan adakah agenda memperkasa orang
kurang upaya tidak menjadi agenda primer bila mana Jabatan
Pembangunan Orang Kurang Upaya tidak diberikan taraf Ketua
Pengarah di peringkat Kementerian.**

JAWAPAN: **YB DATO' SRI ROHANI BINTI ABDUL KARIM,**
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA
DAN MASYARAKAT

Tuan Yang Dipertua,

Agenda memperkasakan golongan orang kurang upaya (OKU) bertujuan untuk memastikan golongan OKU mendapat kesaksamaan hak dan peluang yang sama seperti anggota masyarakat yang lain dalam semua aspek kehidupan selaras dengan matlamat untuk menggalakkan integrasi dan penyertaan penuh OKU dalam masyarakat.

Komitmen ke arah memperkasakan golongan OKU diterjemahkan dengan penggubalan Akta Orang Kurang Upaya 2008 (Akta 685). Akta ini bertujuan bagi memastikan hak, kepentingan dan kesejahteraan golongan OKU sentiasa terpelihara dengan mengadakan peruntukan bagi pendaftaran, perlindungan, rehabilitasi, pembangunan dan kesejahteraan orang OKU, penubuhan Majlis Kebangsaan Bagi OKU, dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Penubuhan Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya (JPOKU) yang merupakan sebuah jabatan khas yang ditubuhkan di bawah Akta Orang Kurang Upaya 2008

(Akta 685) merupakan satu mekanisme yang menyokong pelaksanaan fungsi dan perjalanan kuasa Majlis Kebangsaan Bagi OKU di bawah Akta ini. JPOKU yang ditubuhkan pada tahun 2009 bertanggungjawab bagi pendaftaran, perlindungan, rehabilitasi, perkembangan dan kesejahteraan OKU. JPOKU diketuai oleh Pengarah jabatan gred S54 dengan jumlah perjawatan seramai 27 orang yang terdiri daripada pelbagai gred jawatan.

Walaupun JPOKU tidak diketuai oleh seorang Ketua Pengarah, ia telah berjaya melaksanakan fungsi dan peranan khususnya memperjuangkan kesaksamaan hak dan peluang OKU dalam penyertaan efektif OKU dalam masyarakat.